

# UUM 2022

Laporan Tahunan








**UUM**

Universiti Utara Malaysia

# **UUM 2022**

Laporan Tahunan





# Isi Kandungan

Universiti Utara Malaysia - Selayang Pandang .....	04
Matlamat Penubuhan .....	05
Objektif Penubuhan, Visi dan Misi Universiti .....	06
Falsafah Universiti .....	07
Piagam Pelanggan .....	08
Canselor Universiti Utara Malaysia .....	10-11
Pro-Canselor Universiti Utara Malaysia .....	12-14
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti .....	15
Naib Canselor Universiti Utara Malaysia .....	16
Ahli Lembaga Pengarah Universiti .....	17-19
Jawatankuasa Pengurusan Universiti .....	20
Senarai Ahli Senat Universiti .....	21-23
Carta Organisasi Universiti Utara Malaysia .....	24-25
Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti .....	26
Tadbir Urus Korporat dan Kawalan Dalaman .....	27-36
Hal Ehwal Antarabangsa .....	37-42
Hal Ehwal Akademik dan Majlis Konvokesyen .....	43-52
Maklumat Penyelidikan, Penerbitan Penyelidikan dan Inovasi .....	53-62
Simbiosis Universiti Utara Malaysia dan Komuniti .....	63-72
Pembangunan Sumber Manusia .....	73-78
Pembangunan Infrastruktur dan Infrostruktur .....	79-92
Pemerkasaan Mahasiswa dan Keusahawanan .....	93-102
Pengiktirafan Warga Universiti Utara Malaysia .....	103-106
Laporan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia .....	107-163





## *Selayang Pandang*

Universiti Utara Malaysia (UUM) telah ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan penubuhannya secara rasmi pada 16 Februari 1984 di bawah Perintah (Perbadanan) yang tertumpu khas kepada bidang pengurusan, ekonomi, perbankan, perakaunan dan perniagaan.

Sejarahnya bermula dengan perancangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menubuhkan sebuah universiti yang mengkhususkan dalam bidang pengurusan pada bulan Ogos 1983. Pada 19 Oktober 1983, Jemaah Menteri telah memberi kelulusan rasmi ke atas projek yang pada waktu itu dinamakan Projek Universiti Keenam, di Kedah. Pejabat sementara universiti keenam yang diberi nama Universiti Utara Malaysia itu dibuka pada Februari 1984 di Jitra.

Pada Jun 1984, ia berpindah ke kampusnya yang pertama, Kampus Darul Aman bagi menyambut ketibaan pelajar-pelajar sulung UUM menjelang kemasukan mereka pada awal bulan Julai 1984. Kampus tersebut didirikan di atas satu kawasan seluas 62 ekar di Bandar Darul Aman, iaitu 18 km ke utara Alor Setar dan 4.8 km dari Jitra. Sementara itu perancangan untuk membina sebuah kampus tetap sudah pun bermula di atas satu kawasan seluas 1,061 hektar dalam Daerah Kubang Pasu juga yang terletak 28 km ke utara kampus sementara.

Kampus baharu UUM yang terletak di Sintok mula beroperasi pada 15 September 1990. Kampus yang jaraknya 48 km di utara Alor Setar dan 10 km di timur Changlun itu merupakan bekas lombong bijih timah yang dikelilingi pemandangan indah hutan hujan tropika dan bukit bukau. Selain itu, di tengah-tengahnya mengalir dua batang sungai iaitu Sungai Sintok dan Sungai Badak. Kampus ini telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor pada 17 Februari 2004.

Bagi menambah keindahan UUM dan menjadi satu tempat kondusif untuk pelajar, UUM menyediakan pelbagai kemudahan termasuklah hotel EDC, pusat sukan yang lengkap, kolam renang bertaraf olimpik, kawasan perkhemahan, padang golf 18 lubang, litar go-kart, taman rusa, taman burung unta, jungle trekking, lapang sasaran menembak dan memanah, UUM International School dan muzium pengurusan.





# Matlamat Penubuhan

Matlamat utama penubuhan UUM adalah untuk memenuhi matlamat asas mengisi permintaan guna tenaga yang berkelayakan dan terlatih dalam bidang pengurusan. Selain itu, kampus ini ditubuhkan untuk mengembangkan dan memajukan pendidikan pengurusan. Program akademiknya tertumpu kepada bidang-bidang pengurusan, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat, pentadbiran awam, pengurusan sumber manusia, keusahawanan, kewangan dan perbankan, undang-undang, pemasaran, pengurusan teknologi, komunikasi, kerja sosial, multimedia, pendidikan, sains pemutusan, hal ehwal antarabangsa, pengurusan perniagaan, pelancongan, pentadbiran muamalat, pengurusan pembangunan, logistik dan pengangkutan, hospitaliti, pengurusan risiko dan insurans, teknologi media, perniagaan tani, matematik perniagaan, statistik industri dan kaunseling.

UUM juga memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan di kawasan utara Semenanjung. Prasarana dan kemudahan asas yang disediakan serta tenaga manusia di universiti ini menjadi penggerak kepada kegiatan sosio ekonomi yang lain.


Di samping pengajaran dan penyelidikan, universiti ini juga memberi sumbangan kepada perkembangan sosial, ekonomi dan intelektual di kawasan sekitar. UUM memainkan peranan ini dengan melibatkan dirinya dalam projek kemasyarakatan, sama ada secara sendiri mahupun dengan kerjasama badan-badan kerajaan dan sektor swasta.





**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

LAPORAN TAHUNAN 2022



## Objektif Penubuhan

- Sebagai Pemacu Pendidikan Pengurusan
- Sebagai Pusat Rujukan Pengurusan
- Sebagai Pemangkin Pembangunan Wilayah Utara

## Visi

Menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka

## Misi

Kami mendidik pemimpin berperwatakan holistik untuk berbakti kepada komuniti global



# Falsafah Universiti

Menginsafi bahawasanya Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri berusaha mengubahnya;

Menginsafi bahawa Malaysia diberkati dengan kekayaan kedua-dua sumber penting, iaitu sumber manusia dan sumber alam;

Menyedari bahawa kedua-dua sumber itu mesti digembleng dengan sebaik-baik cara dan seberkesan mungkin; dan bahawa kunci kepada kejayaan ialah perancangan pengurusan, pengesanan, penilaian kembali, penganutan ilmu, sains dan teknologi;

Meyakini bahawa manusia tidak dapat hidup dengan kemajuan kebendaan semata-mata, tanpa perikemanusiaan, peradaban dan keimanan, manakala sumber alam pula tidak boleh dibiarkan dieksploitasi sehingga mengancam peradaban manusia itu sendiri;

Maka,

Universiti Utara Malaysia mendedikasikan dirinya kepada matlamat melahirkan lulusan yang mempunyai kebolehan dan kepimpinan tinggi dalam perancangan dan pengurusan sumber manusia dan sumber alam secara saintifik dan kreatif demi kesejahteraan bangsa, kesentosaan negara serta kedamaian dunia seluruhnya.

Azam Universiti ialah membina kecemerlangan prestasi dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan perkhidmatan masyarakat, khususnya dalam usaha gembleran sumber manusia dan sumber alam secara yang berkesan.

Azam Universiti adalah untuk membina sahsiah bakal lulusannya supaya seimbang antara keilmuan, kebudiman dan segala sifat kemanusiaan dengan nilai-nilai luhur dan murni.

Ke arah itu, Universiti akan membudayakan dirinya, sekalian pelajar dan kakitangannya sejajar dengan motonya:

**ILMU BUDI BAKTI**





## *Pelanggan*

Dalam merealisasikan wawasan untuk menjadikan Universiti Utara Malaysia sebagai Universiti pengurusan yang terulung dan cemerlang selaras dengan Moto Universiti “Ilmu, Budi, Bakti”, dengan izin Allah SWT maka kami dengan penuh tekad dan iltizam berjanji menyempurnakan hak-hak pelanggan kami seperti berikut:

### **Pelajar**

Menyediakan pendidikan, kemudahan pendidikan dan sistem pengurusan yang terbaik berlandaskan piawaian-piawaian yang ditetapkan.

### **Staf**

- Menyediakan calon pelajar yang berkemampuan.
- Menyediakan kemudahan terbaik bagi melicinkan proses kerja, ganjaran yang sesuai dan peluang pengembangan ilmu yang adil dan saksama ke arah pembangunan dan kemajuan kakitangan

### **Negara**

- Menyediakan bakal tenaga kerja untuk memenuhi keperluan negara.
- Menyediakan perkhidmatan latihan, penyelidikan dan perundingan ke arah mempertingkatkan lagi tahap perkembangan dan kemajuan ilmu.






Pokok Sintok yang unik menjadi  
nama tempat terletaknya UUM





## CANSELOR



**KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
AL AMINULKARIM SULTAN SALLEHUDDIN  
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

D.K., D.K.H., D.M.N., D.U.K., D.K. (Kelantan), D.K. (Johor), D.K. (Perak),  
D.K. (Selangor), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Perlis), D.K. (Pahang),  
D.M.K., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K.

**SULTAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**











**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

LAPORAN TAHUNAN 2022



## **PRO-CANSELOR**

**DULI YANG TERAMAT MULIA  
TENGKU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL AMINUL  
KARIM SULTAN SALLEHUDDIN**  
D.K, D.M.K., D.S.D.K., S.S.S.

**RAJA MUDA KEDAH DARUL AMAN**








## **PRO-CANSELOR**

**DULI YANG AMAT MULIA  
TUNKU SHAZUDDIN ARIFF  
IBNI AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN**  
S.S.S.K., D.S.D.K., S.M.S.

**TUNKU MAHKOTA KEDAH**







**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

LAPORAN TAHUNAN 2022



## **PRO-CANSELOR**

**YANG MULIA  
TENGKU TAN SRI DATO' PADUKA  
(DR.) MAHALEEL TENGKU ARIFF  
P.S.M., P.J.N., D.P.M.K.**








---

**PENGERUSI**  
**LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**


**YANG BERBAHAGIA**  
**TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR**



## **NAIB CANSELOR**

**YANG BERUSAHA**  
**PROFESOR DR. HAIM HILMAN ABDULLAH**  
[Mulai 17 Januari 2022]





# Ahli Lembaga Pengarah Universiti

## PENGERUSI



**YANG BERBAHAGIA**  
**TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR**

## AHLI



**YANG BERUSAHA**  
**PROF. DR. HAIM HILMAN**  
**ABDULLAH**

NAIB CANSELOR  
[Mulai 17 Januari 2022]




**YANG BERBAHAGIA**  
**DATO' PADUKA AMMAR DATO'**  
**SHAIKH MAHMOOD NAIM**



**YANG BERBAHAGIA**  
**DATO' DR. HAJI MEGAT SANY MEGAT**  
**AHMAD SUPIAN**

TIMBALAN KETUA  
SETIAUSAHA (DASAR)  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI





**YANG BERUSAHA**  
**PUAN NOR ENI ISMAIL**

TIMBALAN PENGARAH  
BELANJAWAN NEGARA (SOSIAL)  
KEMENTERIAN KEWANGAN



**YANG BERUSAHA**  
**PUAN NAZIRA ABDUL RAHIM**

TETUAN FAIZAH & NAZIRA



**YANG BERBAHAGIA**  
**DATO' WAN SHAHARUDDIN WAN MAHMOOD**

NAIB PRESIDEN EKSEKUTIF  
SAPURA SECURED TECHNOLOGIES



**YANG BERBAHAGIA**  
**DATO' MUZAMMIL MOHAMAD**

PENGURUS WILAYAH ASEAN  
QATAR AIRWAYS



**YANG BERUSAHA**  
**ENCIK KHAIRUL AZWAN HARUN**

PENGERUSI BUKAN EKSEKUTIF  
MALAYSIA DEBT VENTURES  
BERHAD



**YANG BERBAHAGIA**  
**DATO' NORASLINA DATUK ZAINAL ABIDIN**



**YANG BERUSAHA**  
**PROF. DR. ABDUL MALEK H.J. ABDUL KARIM**

PROFESOR  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



**YANG BERUSAHA**  
**PUAN YUSLIZA MOHD YUSOF**


(AHLI SILIH GANTI)  
SETIAUSAHA BAHAGIAN BAHAGIAN  
KHIDMAT PENGURUSAN  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



**YANG BERUSAHA**  
**ENCIK AHMAD RASIDI ABDULLAH**

PENDAFTAR  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

## SETIAUSAHA



## EX-OFFICIO



**YANG BERUSAHA**  
**PROF. DR. SHAHIMI MOHTAR**

TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)



**YANG BERUSAHA**  
**PROF. DR. AHMAD MARTADHA**  
**MOHAMED**

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL  
EHWAL PELAJAR & ALUMNI)



**YANG BERUSAHA**  
**PROF. DR. RUSSAYANI ISMAIL**

TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(PENYELIDIKAN & INOVASI)



**YANG BERUSAHA**  
**PUAN EYLANI AHMAD**

BENDAHARI



**YANG BERUSAHA**  
**PROF. MADYA DR. KHADIJAH**  
**MOHAMED**

PENASIHAT UNDANG-UNDANG





# Senarai Jawatankuasa Pengurusan Universiti

## PENGERUSI

### Naib Canselor

Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah [Mulai 17 Januari 2022]

## AHLI

### Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dr. Shahimi Mohtar

### Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed

### Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Prof. Dr. Russayani Ismail

### Pendaftar

Encik Ahmad Rasidi Abdullah

### Bendahari

Puan Eylani Ahmad

### Ketua Pustakawan

Encik Salleh Hudin Mustaffa

### Penolong Naib Canselor UUM CAS & Pengarah Bahagian Perancangan Korporat

Prof. Madya Dr. Mazni Omar

### Penolong Naib Canselor UUM COLGIS & Pengarah Pejabat Pengurusan Risiko UUM

Prof. Dr. Nuarrual Hilal Md. Dahlan

### Penolong Naib Canselor UUM COB & Pengarah Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan

Prof. Dr. Mohd Amy Azhar Hj. Mohd Harif

### Provos UUM Kampus Kuala Lumpur

Prof. Dr. Hassan Abu Bakar


### Penasihat Undang-Undang

Prof. Madya Dr. Khadijah Mohamed

## SETIAUSAHA

### Pengarah Jabatan Canselori

Encik Mohd Zamri Ahmad



# Senarai Ahli Senat Universiti Utara Malaysia

## PENGERUSI

### **Naib Canselor**

Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah  
[Mulai 17 Januari 2022]

## AHLI

### **Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**

Prof. Dr. Shahimi Mohtar

### **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)**

Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed  
[Mulai 7 Februari 2022]

### **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**

Prof. Dr. Russayani Ismail [Mulai 3 Julai 2022]

### **Penolong Naib Canselor UUM CAS & Pengarah Bahagian Perancangan Korporat**

Prof. Madya Dr. Mazni Omar

### **Penolong Naib Canselor UUM COLGIS & Pengarah Pejabat Pengurusan Risiko UUM**

Prof. Dr. Nuarrual Hilal Md. Dahlan

### **Penolong Naib Canselor UUM COB & Pengarah Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD)**

Prof. Dr. Mohd Amy Azhar Hj. Mohd Harif

### **Provos UUM Kampus Kuala Lumpur dan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB)**

Prof. Dr. Hassan Abu Bakar





## DEKAN

### UUM COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES (UUM CAS)

**Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHSGS)**

Prof. Dr. Norhafezah Yusof

**Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)**

Prof. Madya Dr. Mohd Kamal Mohd Nawawi

**Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP)**

Prof. Dr. Shukri Ahmad

**Pusat Pengajian Pendidikan (SOE)**

Prof. Dr. Yahya Don

**Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC)**

Prof. Madya Dr. Norsiah Abdul Hamid

**Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)**

Prof. Madya Dr. Md. Zawawi Abu Bakar

**Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA)**

Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin

**Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC)**

Prof. Ts. Dr. Azham Hussain

## DEKAN

### UUM COLLEGE OF BUSSINESS (UUM COB)

**Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB)**

Prof. Dr. Hassan Abu Bakar

**Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM)**

Prof. Madya Dr. Shuhymie Ahmad

**Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS)**

Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof

**Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik (STML)**

Prof. Dr. Nor Hasni Osman

**Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA)**

Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf

**Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB)**

Prof. Madya Dr. Bakti Hasan Basri

## DEKAN

### UUM COLLEGE OF LAW, GOVERNMENT AND INTERNATIONAL STUDIES (UUM COLGIS)

**Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG)**

Prof. Dr. Rusdi Omar

**Pusat Pengajian Kerajaan (SOG)**

Prof. Madya Dr. Halimah Abdul Manaf

**Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM)**


Prof. Madya Dr. Kamal Izzuwan Ramli

**Pusat Pengajian Undang-Undang (SOL)**

Prof. Madya Dr. Yusramizza Md Isa @ Yusuff

**Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS)**

Prof. Madya Dr. Nazariah Osman



..... **DEKAN** .....  
**HAL EHWAL PELAJAR**

Dr. Kamarul Azman Khamis

..... **DEKAN** .....  
**AKADEMIK UUM KUALA LUMPUR**

Dr. Bidayatul Akmal Mustafa Kamil

..... **PENGARAH** .....

**Institut Pengurusan Kualiti (IPQ)**  
Prof. Madya Dr. Mohd. Haniff Jedin

**Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE)**  
Prof. Madya Dr. Awan Ismail

**Pusat Ko-Kurikulum**  
Dr. Mohamad Zaki Ahmad

**Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC)**  
Prof. Madya Dr. Arpah Abu Bakar

**Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)**  
Prof. Madya Ts. Dr. Izwan Nizal Mohd Shahraneer

**Akademi Golf Nasional**  
Prof. Madya Dr. Azman Yasin

**Pusat Asasi Pengurusan**  
Prof. Madya Dr. Mohamed Ali Haniffa

**Unit Pembangunan Kecemerlangan Akademik**  
Prof. Madya Dr. Mohd Zailani Mohd. Yusoff

..... **PROFESOR** .....

Prof. Dr. Rosna Awang Hashim  
Prof. Dr. Abdul Malek Hj Abdul Karim  
Prof. Dr. Zurni Omar  
Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar  
Prof. Dr. Muhammad Fuad Othman  
Prof. Dr. Mohd. Azizuddin Mohd Sani

Prof. Dr. Noor Azniza Ishak  
Prof. Dr. Roslan Abdul Hakim  
Prof. Dr. Hijattulah Abdul Jabbar  
Prof. Dr. Azilah Kasim  
Prof. Ts. Dr. Suhaidi Hassan  
Prof. Dr. Nor Azila Mohd Noor

..... **EX-OFFICIO** .....

**Ketua Pustakawan**  
Encik Salleh Hudin Mustaffa

**Bendahari**  
Puan Eylani Ahmad

**Pendaftar**  
Encik Ahmad Rasidi Abdullah

**Penasihat Undang-Undang**  
Prof. Madya Dr. Khadijah Mohamed

..... **SEKRETARIAT** .....

**Pengarah Jabatan Hal Ehwal Akademik**  
Puan Azian Nafiah

..... **MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (TURUT HADIR)** .....


**Naib Yang DiPertua**  
Saudara Muhammad Alif Haiqal Amran

**Setiausaha Agung**  
Saudara Muhammad Azri Mizra





# Carta Organisasi Universiti Utara Malaysia



## PETUNJUK

- ..... Bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- ..... Bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor (Hal EHWal Pelajar dan Alumni)


## Senarai Pusat Pengajian

### UUM CAS

Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan  
Pusat Pengajian Sains Kuantitatif  
Pusat Pengajian Pendidikan  
Pusat Pengajian Pengkomputeran  
Pusat Pengajian Teknologi, Multimedia dan Komunikasi  
Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial  
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah

### UUM COB

Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan  
Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz  
Pusat Pengajian Perniagaan Islam  
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik  
Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan  
Akademi Golf Nasional



#### UUM COLGIS

Pusat Pengajian Kerajaan  
Pusat Pengajian Antarabangsa  
Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara  
Pusat Pengajian Undang-undang

#### Inapan Siswa (INASIS)

Inasis MAS	Inasis GRANTT	Inasis YAYASAN ALBUKHARY
Inasis TNB	Inasis PETRONAS	Inasis BANK MUAMALAT
Inasis PETRONAS	Inasis SIME DARBY	Inasis BANK RAKYAT
Inasis TRADEWINDS	Inasis MISC	Inasis SME BANK
Inasis TM	Inasis BSN	Inasis MAYBANK





# Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti



Tahun 2022 merupakan tahun transisi daripada keadaan pandemik Covid-19 kepada fasa endemik mulai 1 April 2022, dan sekali gus menjadi tahun peralihan pemulihan bukan sahaja di negara kita dan seluruh dunia, tetapi juga di Universiti Utara Malaysia (UUM). Pihak Lembaga Pengarah Universiti terus memperkukuhkan agenda negara dan universiti untuk memastikan pengurusan, pentadbiran dan aktiviti universiti ini terus cakna dan patuh kepada ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus).

UUM telah menerima laporan daripada Ketua Audit Negara selepas proses pengauditan terhadap Penyata Kewangan UUM bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 pada 18 Ogos 2023. Laporan Ketua Audit Negara tersebut berpandangan bahawa Penyata Kewangan UUM peringkat UUM dan Kumpulan telah memberikan gambaran yang benar dan saksama. Dalam kata lain, UUM berjaya mendapat sijil audit bersih bagi tahun 2022 sepertimana tahun-tahun sebelum ini. Sesungguhnya, kemajuan organisasi salah satunya terletak kepada tadbir urus yang baik, sebagaimana pokok tumbuh dengan segar dan kuat apabila akarnya sihat.

Natijahnya, UUM berada di kedudukan 500 universiti terbaik dunia dalam The World University Rankings dan sekali gus universiti kedua terbaik di Malaysia, seperti diumumkan agensi itu pada 12 Oktober

2022. UUM juga terus beriltizam dengan pelbagai cara untuk memastikan institusi ini tidak terlalu bergantung terhadap dana kerajaan. Baki terkumpul daripada dana wakaf, zakat dan endowmen UUM pada 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM20.7 juta termasuk menerima RM15 juta daripada FWD Takaful Berhad untuk endowmen, RM1.7 juta daripada zakat dan bakinya dari sumber lain. Begitu juga kejayaan dari segi kebolehpasaran graduan (GE) pada tahun 2022 ialah 94.4 peratus berbanding 84.4 peratus sahaja pada tahun 2021.

Kejayaan ini merupakan penjelmaan kepada usaha bersungguh-sungguh semua keluarga besar UUM khususnya pihak pengurusan tertinggi sepanjang tahun 2022.

Syabas dan tahniah.

**Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar**



# LAPORAN TADBIR URUS KORPORAT







# Tadbir Urus Korporat dan Kawalan Dalaman

## Perlembagaan Universiti Utara Malaysia - Bahagian III Pihak Berkuasa Universiti

15. (1) Pihak Berkuasa Universiti ialah Lembaga, Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti atau dengan apa-apa jua nama ia disebut, Kolej, Pusat Pengajian, Fakulti, Pusat, Akademi, Institut, Jawatankuasa Pengajian, Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar dan badan-badan lain yang ditetapkan oleh Statut sebagai Pihak Berkuasa Universiti.

### Keahlian Lembaga Pengarah

Seksyen 16. (1) menyatakan keahlian lembaga pengarah hendaklah terdiri daripada

- (a) Pengerusi;
- (b) Naib Canselor;
- (c) dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;
- (d) seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletaknya Universiti; dan
- (e) seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam perenggan 20(1)(d); dan
- (f) lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni Universiti dan seorang lagi dari dalam atau luar Universiti yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga.

(2) Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli ex-officio Lembaga tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Lembaga.


(3) Tertakluk kepada kelulusan Menteri, setiap ahli yang dilantik di bawah perenggan (1) (c) boleh melantik seorang ahli silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Lembaga jika ahli itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(4) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai ahli Lembaga

### Peruntukan berhubungan dengan Lembaga

17. (1) Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan apabila habis tempoh itu ahli Lembaga adalah layak dilantik semula.

(1A) Tempoh ahli yang dilantik di bawah perenggan 16(1)(e) hendaklah bagi selama tempoh keanggotaannya dalam Senat.



(2) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

(3) Pengerusi dan empat ahli lain tidak termasuk ahli ex-officio Lembaga hendaklah membentuk kuorum bagi apa-apa mesyuarat Lembaga.

(4) Ahli Lembaga hendaklah dibayar apa-apa saraan atau elaun yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Lembaga boleh menentukan tatacaranya sendiri.

### **Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

18. (1) Menteri boleh melantik mana-mana ahli Lembaga, selain Naib Canselor untuk menjalankan fungsi Pengerusi semasa apa-apa tempoh yang Pengerusi oleh kerana apa-apa sebab tidak dapat menjalankan fungsinya atau semasa apa-apa tempoh kekosongan dalam jawatan Pengerusi.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), jika Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mesyuarat Lembaga, maka ahli-ahli yang menghadiri mesyuarat itu hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Seseorang ahli yang dilantik sebagai Pengerusi di bawah subseksyen (1) atau dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat di bawah subseksyen (2) hendaklah, semasa tempoh dia menjalankan fungsi Pengerusi atau mempengerusikan mesyuarat, mengikut mana-mana yang berkenaan, disifatkan sebagai Pengerusi.

### **Fungsi dan Kuasa Lembaga**


19. (1) Lembaga hendaklah menjadi badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan atau Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti.

(2) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan apa-apa perkara dalam kuasa Senat, tetapi Lembaga boleh menghantar pendapatnya kepada Senat mengenai apa-apa perkara dalam kuasa Senat, bagi pertimbangan Senat.

(3) Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah:

- (a) mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi Universiti;
- (b) menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Universiti;
- (c) membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;
- (d) memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pengajian tinggi dan penyelidikan; dan
- (e) memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa, Jawatankuasa, pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.





## Jawatankuasa Lembaga

19A. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Lembaga hendaklah memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Pelantikan mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga, dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

(6) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga.

(7) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa.

(8) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Lembaga.

(9) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.


(10) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan:

- (a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
- (b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga secepat yang dapat dilaksanakan.

(11) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(12) Ahli sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (11) boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(13) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.



## Penyataan Kawalan Dalaman

Penyataan Kawalan Dalaman menetapkan struktur utama sebagai landasan kerja Lembaga Pengarah untuk mendorong standard tertinggi dalam pengurusan dan pelaporan kewangan Bank serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Standard kecekapan operasi yang tinggi seperti ini dicapai dengan mewakilkan kuasa yang sesuai untuk jawatankuasa yang berbeza dalam Pengurusan dan secara kolektif melapor kembali kepada Lembaga Pengarah untuk memastikan risiko nyata dan tidak ketara dapat dikendalikan secara berkesan dan proaktif di seluruh organisasi.

Unit Audit Dalam, Universiti Utara Malaysia (UAD UUM) telah ditubuhkan pada 16 Julai 1987. Unit Audit Dalam bertanggungjawab terus kepada Naib Canselor secara pentadbiran dan kepada Jawatankuasa Audit secara fungsional. Peranan dan tanggungjawab Unit Audit Dalam serta Jawatankuasa Audit diperjelaskan dalam surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia bertarikh 21 Julai 1998 bertajuk "Garis Panduan mengenai peranan dan tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan.

## Jawatankuasa Audit Universiti Utara Malaysia

Jawatankuasa Audit UUM (JKA UUM) bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:







JKA UUM telah bersidang sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2022. Antara perkara yang dibincangkan adalah Rancangan Audit Tahunan, Laporan Audit UAD, Laporan Ketua Audit Negara dan Penyata Kewangan UUM. Ketua PTJ yang terlibat dengan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Prestasi akan memberikan penjelasan semasa mesyuarat mengenai tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan berkaitan isu Audit yang dibangkit. Tarikh pelaksanaan Mesyuarat yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-63 Bil.1 Tahun 2022 pada 23 Januari 2022.
- Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-64 Bil.2 Tahun 2022 pada 10 April 2022.
- Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-65 Bil.3 Tahun 2022 pada 11 November 2022.

## Rancangan Audit Tahun 2022

Perancangan dan pelaksanaan pengauditan UAD UUM tahun 2022 adalah selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 yang menetapkan bahawa Unit Audit Dalam perlu mengemukakan jadual kerja pengauditan tahunan kepada Jawatankuasa Audit dan Naib Canselor untuk kelulusan. Rancangan Audit Tahun 2022 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Ke-63 Bil. 1 Tahun 2022 pada 23 Januari 2022 yang merangkumi tiga (3) pengauditan seperti berikut:

- (a) Pengauditan Pengurusan Kewangan (Jabatan/PTJ)
- (b) Pengauditan Prestasi Program/Aktiviti
- (c) Pemeriksaan Mengejut

## Pencapaian Unit Audit Dalam Tahun 2022


### 1 Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan Pengurusan Kewangan bertujuan membantu pihak pengurusan mengenalpasti kawalan dalaman yang perlu ada dan berfungsi seperti yang ditetapkan bagi mengelak kehilangan dan pembaziran wang awam. Sebanyak 6 Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah dipilih untuk dilaksanakan Pengauditan Kewangan pada tahun 2021 yang meliputi enam (6) aspek kawalan utama, iaitu Pengurusan Organisasi, Pengurusan Bajet, Pengurusan Terimaan, Pengurusan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah serta Pengurusan Aset, Inventori dan Stor. PTJ yang dipilih adalah seperti berikut:

- (a) Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)
- (b) Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC)
- (c) Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG)
- (d) Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB)
- (e) Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC)
- (f) Institut Pembangunan Keusahawanan & Koperasi (CEDI)

### 2 Pengauditan Prestasi

Kecekapan dan keberkesanan dalam penggunaan sumber bagi sesuatu program/aktiviti boleh dinilai secara komprehensif dengan melaksanakan pengauditan prestasi terhadap program/aktiviti tersebut di samping dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi serta mencadangkan syor penambahbaikan yang sesuai melalui pengauditan yang dijalankan.



Sebanyak dua (2) pengauditan prestasi program/aktiviti berkaitan pengurusan harta intelek di Pusat Inovasi Pengkomersilan dan Pengurusan telah dilaksanakan oleh UAD pada tahun 2022. Penemuan serta syor bagi pengauditan prestasi tersebut dikemukakan kepada PTJ terlibat untuk makluman dan tindakan penambahbaikan.

### 3 Pemeriksaan Mengejut

Pemeriksaan mengejut adalah satu pendekatan audit yang meliputi pemeriksaan yang dijalankan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada auditi. Objektif pemeriksaan mengejut adalah untuk menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga dibawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat. Pemeriksaan mengejut telah dijalankan bagi tahun 2022 telah dijalankan terhadap PTJ berikut:

- (a) Jabatan Pendaftar
- (b) UUMIT
- (c) UUM CAS
- (d) Pusat Islam

### 4 Khidmat Nasihat Yang Dijalankan Oleh Unit Audit Dalam

Di samping melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Pengauditan Prestasi di UUM, UAD UUM juga turut memberikan khidmat nasihat kepada staf UUM berhubung pematuhan terhadap peraturan UUM. Khidmat nasihat yang diberikan melalui ceramah, perbincangan dan panduan melaksanakan tugas dapat meningkatkan pemahaman staf berhubung peranan dan tanggungjawab mereka ke arah peningkatan prestasi pengurusan kewangan UUM. Impak kepada pengauditan yang dijalankan oleh UAD UUM adalah peningkatan akauntabiliti dan tahap pematuhan oleh staf UUM kepada peraturan kewangan yang berkuat kuasa melalui program pengauditan yang berkesan.






## Laporan Pencapaian Prestasi Program, Aktiviti dan Projek



















Pelan Strategik UUM 2022 memfokuskan tiga agenda utama iaitu (1) *UUM Branding*, (2) *Management Reference Centre*, dan (3) *Quality Alumni*. Bagi mendokong agenda ini, enam (6) Teras telah dibangunkan:

- Teras 1 : Kecemerlangan Akademik
- Teras 2 : Kecemerlangan Penyelidikan
- Teras 3 : Kelestarian Komuniti & Penglibatan Industri
- Teras 4 : Kelestarian Kewangan
- Teras 5 : Kecemerlangan Perkhidmatan
- Teras 6 : Graduan Holistik



Daripada enam teras strategik UUM, terdapat 25 KPI yang menjadi tunjang utama dalam memastikan prestasi UUM. Pencapaian 25 KPI Pelan Strategik UUM 2022 menunjukkan seperti berikut:



TERAS	NO. KPI	INDIKATOR	SASARAN	PENCAPAIAN
Kecemerlangan Akademik (Academic Excellence)	KPI 1	QS World University Rankings	500	481 
	KPI 2	Number of Accredited/Certified Programmes	34	51 
	KPI 3	Number of Schools Contributed to QS World University Rankings by Subject	17	11 
	KPI 4	Number of Postgraduate Students Intake	3,090	2,150 
	KPI 5	Number of International Students Intake	850	998 
Kecemerlangan Penyelidikan (Research Excellence)	KPI 6	Research Funding	RM19 mil	RM14,226,411 
	KPI 7	Lead Investigator	67%	54% 
	KPI 8	Publications in Scopus-indexed Journal	2,110	785 
	KPI 9	Citations in the Past 5 Years	20,000	20,119 
	KPI 10	Number of Intellectual Properties	120	269 
Kelestarian Komuniti & Penglibatan Industri (Sustainable Community & Industrial Engagement)	KPI 11	Community and Industrial Engagement Funding	RM1,000,000	RM1,673,971 
	KPI 12	Number of High Impact Events/ Programmes related to Environment and Sustainability	216	230 
	KPI 13	Number of Programmes to Increase Community's Knowledge, Skill and Income	50	41 
Kelestarian Kewangan (Financial Sustainability)	KPI 14	Investment in Property/Bond/ Equity	RM8,000,000	RM7,279,159 
	KPI 15	Income Generated through Special Projects	RM3,000,000	RM3,101,327 
	KPI 16	Income Generated from Endowment	RM6,000,000	RM15,106,445 
	KPI 17	Income Generated from Waqf and Donation	RM2,950,000	RM3,341,732 
	KPI 18	Percentage in Cost Reduction	10%	6% 





TERAS	NO. KPI	INDIKATOR	SASARAN	PENCAPAIAN	
Kecemerlangan Perkhidmatan (Service Excellence)	KPI 19	Percentage of Academic Staff with PhD	84%	84%	●
	KPI 20	Percentage of Administrative Staff Attended High Impact Training	30%	20.6%	●
	KPI 21	Percentage of Customer Satisfaction Index	85%	90%	●
	KPI 22	Percentage of Administrative Staff Achieving High Productivity Index	85%	86.9%	●
Graduan Holistik (Holistic Graduates)	KPI 23	Percentage of Graduate Employability	90%	94.4%	●
	KPI 24	Percentage of Student Entrepreneurs	19%	19%	●
	KPI 25	Percentage of Alumnus Engagement with Alma Mater	2%	3.2%	●

#### PENGUKURAN INDIKATOR PRESTASI

Warna	●	●	●	●	●	●	●	Jumlah
Peratusan Pencapaian	0 – 20.99	21 – 40.99	41 – 60.99	61 – 80.99	81 – 90.99	91 ke atas	Sedang berlangsung	
Pencapaian Ringkasan Suku Tahun	5	1	0	0	0	2	0	8
Pencapaian Tahun 2022	0	1	1	4	2	17	0	25

## Kemajuan pelaksanaan program, aktiviti dan projek

Berdasarkan 25 KPI yang dilaporkan pada tahun 2022, sembilan belas (19) KPI telah menunjukkan pencapaian yang memuaskan manakala enam (6) KPI berada di bawah 81%. KPI tersebut ialah *Number of Schools Contributed to QS World University Rankings by Subject* (KPI 3), *Number of Postgraduate Students Intake* (KPI 4), *Research Funding* (KPI 6), *Publications in Scopus-indexed Journal* (KPI 8), *Percentage in Cost Reduction* (KPI 18) dan *Percentage of Administrative Staff Attended High Impact Training* (KPI 20).

## Penjelasan mengenai faktor yang mempengaruhi pencapaian prestasi, sama ada lebih baik, setara atau kurang memberangsangkan berbanding tahun-tahun terdahulu


Prestasi pencapaian Pelan Strategik UUM bagi tahun 2022 secara keseluruhannya adalah baik. Sekiranya penilaian dibuat berdasarkan merit CGPA, pencapaian Pelan Strategik UUM memperoleh skor purata 3.61 daripada jumlah skor keseluruhan, 4.00.



# HAL EHWAL ANTARABANGSA







Pada tahun 2022, sejumlah 55 Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA), Perjanjian Penyelidikan (Research Agreement) dan Surat Niat (LoI) telah ditandatangani antara UUM dengan pelbagai institusi dalam dan luar negara.

Bagi institusi dalam negara, UUM telah menandatangani sebanyak 26 iaitu MoU (19) MoA (4), Perjanjian Penyelidikan (1) dan LoI (2). Sebanyak 29 lagi dibuat dengan institusi luar negara yang merangkumi 28 MoU dan satu MoA.

Tujuan kerjasama meliputi pelbagai program seperti pertukaran pelajar, felo pelawat, program kerjasama, penyelidikan dan penganjuran seminar dan persidangan.

## HUBUNGAN LUAR TAHUN 2018 - 2022


	2018		2019		2020		2021		2022	
	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara
MoU	13	29	10	32	2	18	23	16	19	28
MoA	4	1	1	5	1	-	3	5	4	1
Perjanjian Penyelidikan	2	3	1	-	-	2	12	1	1	-
LoI	-	-	-	-	-	4	-	1	2	-
<b>Jumlah</b>	<b>19</b>	<b>33</b>	<b>12</b>	<b>37</b>	<b>3</b>	<b>24</b>	<b>38</b>	<b>23</b>	<b>26</b>	<b>29</b>

MoU - Memorandum Persefahaman

MoA - Memorandum Perjanjian

LoI - *Letter of Intent*

## HUBUNGAN LUAR TAHUN 2018 - 2022





## SENARAI MOU DAN MOA DENGAN INSTITUSI DALAM NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN MOU/MOA
1.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia	CEDI	MOA
2.	Pertubuhan Keselamatan Sosial	UUMCOB-SBM	MOA
3.	Angkasa Training Centre Sdn. Bhd	UUM COB-SBM	MOA
4.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darulaman	BSD	MOA
5.	AIA Pension and Asset Management Sdn. Bhd.	PUSAT ALUMNI	MOU
6.	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad	UUMCOLGIS-GSGSG	MOU
7.	Association of Shariah Advisors In Islamic Finance Malaysia (ASAS)	IPIZ	MOU
8.	Institute for Youth Research Malaysia (IYRES)	UUMCOB-SEFB	MOU
9.	Itramas International Sdn. Bhd.	UUMCAS-SOC	MOU
10.	Kerajaan Malaysia (diwakili Jabatan Perikanan Malaysia)	UUMCOB-STML	MOU
11.	Kolej Universiti Islam Perlis	UUMCOB-IBS	MOU
12.	KXP Airportcity Holdings Sdn. Bhd.	UUMCOB-STML	MOU
13.	Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka	UUMCAS-AHSGS	MOU
14.	Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)	UUMCAS-SOC	MOU
15.	MYDIN Mohamed Holdings Berhad	Pusat Alumni	MOU
16.	Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah	UUMCAS-SLCP	MOU
17.	Pertubuhan Keselamatan Sosial	UUMCOB-SAPSP	MOU
18.	Pusaka Kuds Sdn. Bhd.	UUMCOB-IBS	MOU
19.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia	CEDI (Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi)	MOU
20.	Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia	HEP (Hal Ehwal Pelajar)	MOU
21.	ViTrox Technologies	CUIC (Pusat Kerjasama Universiti-Industri)	MOU





## SENARAI MOU DAN MOA DENGAN INSTITUSI LUAR NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN MOU/MOA
1.	Asia Pacific Institute for Events Management (APIEM)	UUM COLGIS - STHEM	MOU
2.	Atma Jaya Catholic University of Indonesia (AJCUI)	UUM COLGIS - STHEM	MOU
3.	Burgundy School of Business	UUM COB - SBM	MOU
4.	High National School of Statistic and Applied Economy	UUM CAS - SQS	MOU
5.	Institut Pemerintahan Dalam Negeri	UUM COLGIS - SOG	MOU
6.	Kansai University of International Studies	CIAC (Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa)	MOU
7.	Montpellier Business School	UUM COB - SEFB	MOU
8.	Shahjalal University of Science and Technology, Bangladesh	UUM CAS - SQS	MOU
9.	Technium Science	UUM CAS - SEML	MOU
10.	Thaksin University	UUM COLGIS - SOG	MOU
11.	Thammasat University Bangkok	UUM COLGIS - GSGSG	MOU
12.	Universitas Airlangga	UUM CAS - SAPSP	MOU
13.	Universitas Ciputra	UUM COLGIS - STHEM	MOU
14.	Universitas Djuanda	UUM COLGIS - SOL	MOU
15.	Universitas Indonesia	UUM COB - SEFB	MOU
16.	Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga	UUM CAS - SLCP	MOU
17.	Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar	UUM CAS - SLCP	MOU
18.	Universitas Kanjuruhan Malang	UUM COB - SBM	MOU
19.	Universitas Muhammadiyah Yogyakarta	UUM COLGIS - SOG	MOU
20.	Universitas Negeri Surabaya	Akademi Golf Nasional UUM	MOU
21.	Universitas Syiah Kuala	UUM CAS - SEML	MOU
22.	Universiti Islam Sultan Sharif Ali	UUM COB - IBS	MOU
23.	University Al-Azhar Indonesia (UAI)	UUM CAS - SEML	MOU
24.	University of Darussalam Gontor	UUM COB - IBS	MOU
25.	University of Hull	UUM COB - STML	MOU
26.	Chittagong Independent University	UUM COLGIS-SOL	MOU
27.	Hebei University	UUM COB-SEFB	MOU
28.	Universitas Negeri Yogyakarta (UNY)	UUM COLGIS-SOG	MOU



## SENARAI PERJANJIAN PENYELIDIKAN DENGAN INSTITUSI DALAM NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN MOU/ MOA
1	Universiti Sains Malaysia	UUM CAS	Research Agreement

## SENARAI SURAT NIAT (LoI) DALAM NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN LoI
1.	Persatuan Budget Hotel Malaysia	UUM COLGIS - STHM	LoI
2.	Intel Technology Sdn. Bhd./Intel Products (M) Sdn. Bhd.	UUM CAS - SQS	LoI

## SENARAI SURAT NIAT (LoI) LUAR NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN LoI
1.	Toshkent State University of Economics	UUM CAS - SQS	LoI



UUM antara 18 Institusi Pengajian Tinggi Awam yang Menandatangani MoU antara Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi Program Memperkasa Pendidikan Pengundi Mahasiswa (Undi 18) pada 16 Ogos 2022





Memorandum Persefahaman (MoU) antara UUM dan SKM pada 30 Julai 2022




20 institusi pengajian tinggi di Republik Indonesia menjalinkan hubungan kerjasama dengan UUM







# HAL EHWAL AKADEMIK DAN MAJLIS KONVOKESYEN





# KEMASUKAN PELAJAR

Jumlah kemasukan pelajar di UUM adalah seramai 6,417 bagi tahun 2022 iaitu 5,362 mengikuti pengajian sarjana muda manakala 1,055 orang lagi mengikuti pengajian pascasiswazah.


Bagi kemasukan peringkat sarjana muda, 4,404 mengikuti pengajian secara sepenuh masa di Kampus Sintok MANAKAL958 orang mengikuti Pengajian Jarak Jauh.

Peringkat Pengajian	Jumlah
Program Pascasiswazah	1,055
Program Sarjana Muda	5,362
Pengajian Dalam Kampus	4,404
Pengajian Jarak Jauh	958
<b>Jumlah</b>	<b>6,417</b>



## Kemasukan Pelajar Tahun 2022

# 6,417



5,978



439


Pascasiswazah	738 (12.3%)	317 (72.2%)
Sarjana Muda	5,240 (87.7%)	122 (27.8%)




## Kemasukan Pelajar Program Sarjana Muda Tahun 2022

# 5,362


Jumlah Pelajar Mengikut Peringkat Pengajian



Jumlah Pelajar mengikut Kolej








## Kemasukan Pelajar Program Pascasiswazah Tahun 2022

**1,055**



## Kemasukan Pelajar Antarabangsa Tahun 2022

**439** daripada **18** Negara


Negara	Peringkat Pengajian		Jumlah Pelajar
	Pascasiswazah	Sarjana Muda	
Bangladesh	1	-	1
China	207	5	212
Hong Kong	1	-	1
Indonesia	8	107	115
Iraq	6	-	6
Jerman	1	-	1
Jordan	7	-	7
Mesir	1	-	1
Myanmar	1	-	1
Nigeria	40	2	42
Pakistan	6	-	6
Palestin	14	1	15
Somalia	3	2	5
Syria	1	-	1
Thailand		1	1
UAE	14	-	14
Vanuatu		1	1
Yaman	6	3	9
<b>Jumlah</b>	<b>317</b>	<b>122</b>	<b>439</b>



# ENROLMEN PELAJAR

Dengan kemasukan pelajar seramai 6,417 pada tahun 2022, ini menjadikan jumlah keseluruhan pelajar di UUM seramai 32,780 orang iaitu 26,960 orang terdiri daripada pelajar yang mengikuti pengajian sarjana muda sementara 5,820 orang lagi mengikuti pengajian pascasiswazah.

Peringkat/Pembelajaran	Jumlah
<b>Pascasiswazah</b>	<b>5,820</b>
<b>Sarjana Muda</b>	<b>26,960</b>
Eksekutif	10
Kerjasama	98
Pengajian Dalam Kampus	19,735
Pengajian Jarak Jauh	7,117
<b>Jumlah</b>	<b>32,780</b>




Daripada 26,960 pelajar sarjana muda, 19,735 mengikuti pengajian dalam kampus, 7,117 merupakan pelajar yang mengikuti pengajian jarak jauh, 98 orang merupakan pelajar yang mengikuti program kerjasama manakala 10 orang mengikuti program eksekutif.

Peringkat Pengajian/ Pembelajaran	Kolej Pengajian					Jumlah
	UUM CAS	UUM COB	UUM COLGIS	PACE	OYAGSB	
<b>Pascasiswazah</b>	<b>2,373</b>	<b>1,725</b>	<b>1,343</b>		<b>379</b>	<b>5,820</b>
Ph.D.	1,106	672	626		46	2,450
D.Mgmt.	1	6	1		1	9
DBA					184	184
DEd.	38					38
Sarjana	845	1,047	716		148	2,756
Diploma Pascasiswazah	383					383
<b>Sarjana Muda</b>	<b>4,663</b>	<b>10,951</b>	<b>4,121</b>	<b>7,225</b>		<b>26,960</b>
Eksekutif				10		10
Kerjasama				98		98
Pengajian Dalam Kampus	4,663	10,951	4,121			19,735
Pengajian Jarak Jauh				7,117		7,117
<b>Jumlah</b>	<b>7,036</b>	<b>12,676</b>	<b>5,464</b>	<b>7,225</b>	<b>379</b>	<b>32,780</b>


Seramai 5,820 pelajar mengikuti pengajian peringkat pascasiswazah. Daripada jumlah tersebut, 2,756 mengikuti pengajian sarjana, 2,450 mengikuti pengajian Ph.D, 383 mengikuti Diploma Pascasiswazah, 184 mengikuti DBA, 38 mengikuti DEd. dan sembilan mengikuti D.Mgmt.

Bagi pengajian dalam kampus, 4,663 merupakan pelajar yang mengikuti program pengajian UUM CAS, 10,951 dari UUM COB, 4,121 merupakan pelajar yang mengikuti pengajian program di UUM COLGIS manakala 7,225 dari PACE yang terdiri daripada pelajar Pengajian Jarak Jauh, Eksekutif dan Kerjasama.







**Enrolmen Pelajar Mengikut Peringkat Pengajian dan Pusat Pengajian**



**Enrolmen Pelajar Pascasiswazah**




**Enrolmen Pelajar Sarjana Muda**





## Enrolmen Pelajar pada tahun 2017 - 2021

**ENROLMEN PELAJAR PADA TAHUN 2018 - 2022**



**Enrolmen Pelajar Mengikut Pembelajaran**






## Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Pada tahun 2022, jumlah pelajar antarabangsa yang mengikuti pelbagai program pengajian di UUM adalah seramai 2,871 orang yang berasal dari 53 buah negara. Daripada jumlah tersebut, 861 mengikuti pengajian sarjana muda manakala 2,010 lagi mengikuti pengajian pascasiswazah.

### Enrolmen Pelajar Antarabangsa pada 2022

Peringkat Pengajian	Jumlah
<b>Pascasiswazah</b>	<b>2010</b>
Ph.D.	1523
D.Mgmt.	
DBA	9
DEd.	1
Sarjana	477
Diploma Pascasiswazah	
<b>Sarjana Muda</b>	<b>861</b>
<b>Jumlah</b>	<b>2871</b>




Pelajar dari China merupakan yang paling ramai mengikuti pengajian di universiti ini iaitu seramai (882) orang diikuti Indonesia (683), Nigeria (287), Pakistan (224), UAE (152), Somalia (98), Yaman (91), Iraq (82), Jordan (76), Palestin (57) dan Thailand (48).


Negara Pelajar	Peringkat Pengajian		Jumlah
	Pasca-siswazah	Sarjana Muda	
China	754	128	882
Indonesia	141	542	683
Nigeria	276	11	287
Pakistan	224		224
UAE	152		152
Somalia	30	68	98
Yaman	46	45	91
Iraq	81	1	82
Jordan	76		76
Palestin	54	3	57
Thailand	30	18	48
Algeria	28	5	33
Bangladesh	23	9	32
Zimbabwe	12	2	14
Arab Saudi	11	3	14
India	9	2	11
Oman	7		7
Mesir	7		7
Uzbekistan		5	5
Syria	5		5
Sudan	3	2	5
Afrika Selatan	4		4
Djibouti		4	4
Libya	3	1	4
Sri Lanka	3		3
Venezuela		3	3
Iran	3		3

Negara Pelajar	Peringkat Pengajian		Jumlah
	Pasca-siswazah	Sarjana Muda	
Australia	3		3
Kanada	3		3
Qatar	3		3
Tanzania	1	1	2
Kenya	1	1	2
Maldives	2		2
Filipina	1	1	2
Amerika Syarikat	2		2
Mali	1		1
Turki	1		1
Eritrea	1		1
Finland	1		1
Jepun		1	1
Myanmar	1		1
Brunei		1	1
Afghanistan	1		1
Ethiopia		1	1
Singapura		1	1
Chili	1		1
Jerman	1		1
Vanuatu		1	1
Lubnan	1		1
Morocco		1	1
British	1		1
Hong Kong	1		1
Rusia	1		1
<b>Jumlah</b>	<b>2010</b>	<b>861</b>	<b>2871</b>





## Enrolmen Pelajar Antarabangsa pada tahun 2018 - 2022



Pascasiswazah			Sarjana Muda
1,345	2018	1,157	
1,235	2019	1,079	
1,233	2020	1,071	
1,486	2021	995	
2,010	2022	861	



# MAJLIS KONVOKESYEN

## Pelaksanaan Majlis Konvokesyen ke-35 UUM bagi Graduan Tahun 2022

Majlis Konvokesyen Universiti Utara Malaysia yang ke-35 telah berlangsung pada 23 hingga 27 Julai 2023 bagi graduan tahun 2022, di Dewan Mu'adzam Shah. Dalam majlis konvokesyen tahun ini juga menyaksikan seramai 6,694 graduan menerima ijazah yang terdiri daripada graduan sarjana muda seramai 5,743 orang manakala graduan pascasiswazah pula seramai 951 orang. Pecahan terperinci adalah seperti carta dan jadual di bawah.


Peringkat/Tahap	Kolej Pengajian					Jumlah
	OYAGSB	PACE	UUM CAS	UUM COB	UUM COLGIS	
- 2) Pembinaan Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum dengan kos siling asal yang diluluskan adalah sebanyak RM8,000,000.

01

## Pembinaan Dewan Serbaguna

Projek Pembinaan Dewan Serbaguna dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 19 Mei 2021 dan tarikh jangka siap baru selepas Lanjutan Masa no.1 ialah pada 14 November 2023. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2022 ialah 5.62% berbanding jadual 17.46%.



Pandangan Perspektif Dewan Serbaguna



Gambar-gambar Kemajuan Kerja Tapak Dewan Serbaguna



02

**Pembinaan Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum**

Projek Pembinaan Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 1 Ogos 2019 dan tarikh jangka siap baru selepas Lanjutan Masa no.7 ialah pada 29 Disember 2022. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2022 ialah 96% berbanding jadual 98%.




Pandangan Perspektif Pusat Ko-Kurikulum



Gambar Kemajuan Kerja Tapak Pusat Ko-Kurikulum






## Laporan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) RP1 hingga RP4 (2015-2020)

Sembilan projek di bawah RMKe-11 adalah seperti berikut:-

- 1) Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar, UUM COLGIS. Kos siling yang diluluskan ialah sebanyak RM41,500,000. Dilaksanakan oleh JKR.
- 2) Tambahan Bangunan Pusat Komputer. Kos siling yang diluluskan ialah sebanyak RM18,000,000. Dilaksanakan oleh JKR.
- 3) Tambahan Kemudahan Sukan UUM. Kos siling yang diluluskan ialah sebanyak RM10,200,000. Dilaksanakan oleh UUM.
- 4) Kerja Penggantian Sistem Chiller Di UUM. Kos siling yang diluluskan ialah sebanyak RM15,505,000. Dilaksanakan oleh UUM.
- 5) Pembinaan Pencawang Pembahagi Utama 11 Kv Bagi Mengganti Pencawang Sediada Di UUM. Kos siling yang diluluskan ialah sebanyak RM6,000,000. Dilaksanakan oleh JKR.
- 6) Menaik taraf Insfrastruktur Dan Sistem Mekanikal, Elektrikal, Serta Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) di Dewan Kuliah Gugusan (DKG 1, 2 dan 3). Kos siling yang diluluskan ialah sebanyak RM21,836,000. Dilaksanakan oleh JKR.
- 7) Kerja-Kerja Menaiktaraf Permukaan Jalan di Dalam Kampus UUM. Kos siling yang diluluskan ialah sebanyak RM7,000,000.00. Dilaksanakan oleh JKR.
- 8) Menaik taraf Insfrastruktur dan Infostruktur Teknologi Maklumat (IT) di UUM. Kos siling yang diluluskan RM8,500,000. Dilaksanakan oleh UUM.
- 9) Penggantian dan Perolehan Peralatan Pengajaran Dan Pembelajaran. Kos siling yang diluluskan ialah RM4,000,000. Dilaksanakan oleh UUM.

**01****Pusat Pengajian  
Pengurusan Pelancongan,  
Hospitaliti dan Alam  
Sekitar, UUM COLGIS**

Dilaksanakan oleh Jabatan Kerja  
Raya.

Kerja-kerja pembinaan telah  
bermula pada 29 November  
2017 dan tarikh jangka siap baru  
selepas Lanjutan Masa ke-6 ialah  
pada 26 Januari 2022.

Pembinaan ini telah siap pada 31  
Disember 2022.




Gambar Lakaran Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan,  
Hospitaliti dan Alam Sekitar UUM COLGIS



Gambar Projek Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar UUM COLGIS





02

### Projek Tambahan Bangunan Pusat Komputer

Dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 27 Jun 2019 dan tarikh jangka siap baru selepas Lanjutan Masa ke-4 ialah pada 4 April 2022.

Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2022 ialah 41% berbanding jadual 97%.




Gambar Lakaran Tambahan Bangunan UUMIT



Gambar Kemajuan Pembinaan Tambahan Bangunan UUMIT





03

### Projek Pembinaan Tambahan Kemudahan Sukan UUM

Dilaksanakan oleh UUM.


Projek telah siap sepenuhnya pada 4 Julai 2019 dengan kos sebanyak RM8,374,954.00.



Gambar Astaka (Grand Stand)



Gambar Gelanggang Berbumbung (Sports Arena)



04

### Projek Penggantian Sistem Chiller

Dilaksanakan oleh UUM secara berperingkat (3 fasa).

Jumlah kos keseluruhan adalah RM15,410,146.00.

## Fasa 1

Telah siap pada  
17 Mei 2017 dengan kos  
sebanyak RM5,134,400



## Fasa 2

Telah siap pada  
17 Disember 2017  
dengan kos sebanyak  
RM5,496,116




## Fasa 3

Telah siap sepenuhnya  
pada 16 Julai 2019  
dengan kos sebanyak  
RM4,779,630







**05**

### **Projek Pembinaan Pencawang Pembahagi Utama 11 Kv**


Bagi mengganti pencawang sedia ada di UUM projeknya dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Kerja pembinaan telah bermula pada 18 Jun 2020 dan tarikh siap pembinaan pada 10 September 2021.



Gambar Pembinaan Pencawang Pembahagi Utama 11 Kv Bagi Mengganti Pencawang Sediada Di UUM





06

**Projek Menaik Taraf Insfrastruktur Dan Sistem Mekanikal, Elektrikal, Serta Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) di Dewan Kuliah Gugusan (DKG 1, 2 dan 3)**


Dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 12 Oktober 2021 dan tarikh jangka siap sepenuhnya pada 8 April 2024. Peratus kemajuan semasa pada 31 Disember 2022 ialah 40%





Gambar Kemajuan Menaiktaraf Insfrastruktur Dan Sistem Mekanikal, Elektrikal, Serta Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) di Dewan Kuliah Gugusan (DKG 1, 2 dan 3)




**07****Projek Kerja-Kerja Menaik Taraf Permukaan Jalan di Dalam Kampus UUM**

Dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Kerja-karya pembinaan telah bermula pada 17 Februari 2020 dan tarikh siap pembinaan pada 31 Januari 2021.




Gambar Projek Kerja-Kerja Menaiktaraf Permukaan Jalan di Dalam Kampus UUM



08

## Projek Menaik Taraf Insfrastruktur dan Infostruktur Teknologi Maklumat (IT) Di UUM


Dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 01 Ogos 2019 dan tarikh siap pembinaan pada 31 Disember 2020.



Sub Projek 1 - Menaiktaraf Perkakasan Rangkaian Kampus UUM



Sub Projek 2 - Menaiktaraf Server Sistem Maklumat Utama Universiti




Sub Projek 3 - Menaiktaraf Suis Utama Rangkaian Pusat Data



Sub Projek 4 - Menaiktaraf Peralatan WiFi UUM




Sub Projek 5 - Menaiktaraf Sistem Pemantauan dan Keselamatan Infrastruktur IT



Sub Projek 6 - Pembangunan Sistem Pengurusan Klinik

Gambar Projek Menaiktaraf Insfrastruktur dan Infostruktur Teknologi Maklumat (IT) di UUM






09

### Projek Penggantian dan Perolehan Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran

Dilaksanakan oleh UUM.

Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 27 September 2020 dan tarikh siap pembinaan pada 20 November 2021.



Gambar Penggantian dan Perolehan Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran



## Laporan Projek Pembangunan Khas


### Projek Cadangan Membina dan Menyiapkan Kelab Golf UUM

Dilaksanakan oleh UUM.

Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 19 Mei 2021 dan tarikh jangka siap pembinaan pada 19 November 2022. Peratus kemajuan semasa pada 1 Disember 2022 ialah 42% berbanding jadual 52%.



Pandangan Perspektif Kelab Golf UUM




Gambar-gambar di tapak projek membina dan menyiapkan Kelab Golf UUM






# PEMERKASAAN MAHASISWA DAN KEUSAHAWANAN







## ANUGERAH DAN PENCAPAIAN



### Graduan UUM terima gaji RM11,000 sebulan

Graduan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Logistik dan Pengangkutan), UUM, Wong Wei Jie yang kini bekerja di sebuah syarikat antarabangsa Denmark, Maersk Omnichannel Fulfilment yang berpangkalan di Singapura.

Bertugas sebagai 'Global Management Trainee', beliau mendapat gaji permulaan yang amat lumayan lebih RM11,000.

### Graduan UUM diiktiraf ACCA #1 Top Affiliate Dunia

Sekali lagi, graduan Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat), Looi Pui Mun mengharumkan nama Universiti Utara Malaysia (UUM) apabila diiktiraf sebagai ACCA #1 Top Affiliate di dunia dan Malaysia.

Kejayaan graduan dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) itu adalah selepas beliau memperoleh markah purata tertinggi 85.25 peratus untuk markah keseluruhan bagi empat kertas peperiksaan Strategic Professional Level yang pernah didudukinya.




### Mahasiswa UUM terpilih mengikuti Felo Perdana dan Felo Korporat



Lima mahasiswa UUM yang terpilih mengikuti program Felo Perdana dan Felo Korporat 2022 bermula 13 Julai hingga 31 Disember 2022.

Felo Perdana merupakan satu program kerajaan di bawah anjuran Kementerian Belia dan Sukan sejak 2013 khususnya untuk golongan belia untuk terlibat dalam agenda nasional di bawah penyeliaan kabinet seperti Menteri dan Perdana Menteri.

Lima mahasiswa yang terpilih ialah pelajar Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Ng Choon Kiat, Aiman Nadim Joehaimi, seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, Nur Haziqah Kamaruzzaman, dua orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Hal Ehwal Antarabangsa, Muhammad Iqhwani Madzli dan Amiruddin Muhammad.



## BGS UUM rangkul 2022 Outstanding Silver Chapter Award

Beta Gamma Sigma (BGS) UUM Chapter terus cemerlang di peringkat antarabangsa apabila menerima pengiktirafan Beta Gamma Sigma's 2022 Silver Outstanding Chapter Award pada Mac 2022.

BGS UUM Chapter telah dipilih menerima pengiktirafan itu daripada lebih 615 Chapter global yang terdapat di institusi yang diiktiraf AACSB di 38 negara.



## UUM rangkul empat Anugerah Tokoh Siswa 2022

UUM buat julung kalinya mencatat kejayaan membanggakan apabila berjaya membolot empat anugerah pada Majlis Anugerah Tokoh Siswa (ATS) 2022 yang berlangsung di Dewan Za'ba, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 20 Mac 2022.

Empat anugerah tersebut ialah Anugerah Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar dimenangi Muhammad Azri Mizra, Anugerah Kepimpinan Kolej Kediaman (Muhammad Sanj Samsudin), Anugerah Majlis Perwakilan Pelajar Terbaik (MPP UUM) dan Anugerah Khas Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi oleh Kelab Tarian Bidasari UUM.




## Yayasan Tunku Abdul Rahman Iktiraf Graduan UUM

Graduan Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa, Shashivarmaan Thevaraj tampil cemerlang dalam akademik dan kokurikulum hingga diiktiraf Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) yang menganugerahkan Anugerah Pingat Tunku Emas bagi tahun 2021.

Pencapaian anak muda berasal dari Port Dickson, Negeri Sembilan itu menjadikannya alumni pertama UUM yang menerima anugerah tersebut, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM10,000 dan Geran Program Komuniti sebanyak RM10,000.







## Anugerah Bakat MAPUM 2022




- Anugerah Pemimpin Program Keusahawanan Terbaik (kategori perak)  
Nur Arrysha Najeeha Azman
- Anugerah Pemimpin Program Kebudayaan Terbaik (kategori emas)  
Faisal Nahar
- Anugerah Pemimpin Program Sukan Terbaik (kategori Emas)  
Muhammad Najmi Shakir Abu Hassan
- Anugerah Program Pemimpin Kesukarelawanan Terbaik (kategori emas)  
Muhammad Sanii Samsudin
- Anugerah Kesukarelawan Cemerlang (Kategori emas)  
Mohd Khairone Mat Khatidin
- Anugerah Jawatankuasa Kolej Kediaman Terbaik (kategori emas & piala pusingan)  
INASIS MAS & TNB
- Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman (kategori emas)  
Muhammad Sanii Samsudin
- Anugerah Kolej Kediaman Terbaik (kategori perak) keseluruhan  
Universiti Utara Malaysia
- Anugerah Limpahan Budi  
Puan Roslina Abdullah

## Pencapaian Pelajar UUM 2022







## PROGRAM PEMERKASAAN PELAJAR KEUSAHAWANAN

### Projek Anak Alam terima Anugerah Khas

Projek Anak Alam hasil usaha pelajar UUM mendapat pengiktirafan Anugerah Khas Projek Komuniti dalam Program Keusahawanan “University to Community” yang telah diadakan pada 28 Julai 2022 di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Selain anugerah khas tersebut, projek yang diwakili pelajar Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa, Wafa Elyana Ahmad Mahreez, pelajar Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti, Nurul Asyikin Md Ismail, dan dua pelajar Sarjana Muda Falsafah, Undang-undang dan Perniagaan, Alia Nadirah Mohamad Shadani, dan Muhammad Naim Ramlee ini turut mendapat tempat keempat bagi kategori Pameran Projek Keusahawanan Sosial Terbaik University to Community dan telah mendapat hadiah wang tunai berjumlah RM700.




### Pameran KPKM Platform CEDI Promosi Produk Usahawan Pelajar

Pameran KPT Prihatin Keluarga Malaysia (KPKM): Edisi Keusahawanan menjadi platform kepada Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) untuk mempromosikan produk usahawan pelajar UUM.

Program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) itu diadakan di Hotel Royale Signature, pada 21 April 2022.

Reruai pameran UUM diwakili oleh dua usahawan iaitu Mohd Aizal Shazrizal Zaini yang mewakili usahawan graduan dengan produk kuih semperit susu pelbagai perisa dan Sharifah Balqis Syed Supiyan yang mewakili usahawan pelajar tampil dengan pelbagai produk seperti baju, tudung dan makanan.





## Inkubator 'Campus Brew' bakal lahirkan usahawan kopi

Inkubator 'Campus Brew' melatih pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) menjalankan perniagaan dalam bidang makanan dan minuman (F&B) berasaskan kopi sekali gus melahirkan usahawan kopi yang berilmu dan kompetitif.

Inkubator ini mendapat bimbingan dari CEDI dan syarikat kopi He & She selari dengan aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang menyasarkan penglibatan pelajar dalam aktiviti perniagaan semasa dalam pengajian sebanyak 19% dan 6% graduan menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan pada 2022.

## Sintokyo Lambang Perjuangan Liana

Siti Norliana binti Noordin, alumni UUM Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam tahun 2019 telah mula menjinakkan diri dalam bidang keusahawanan ketika beliau masih bergelar mahasiswa. Kini, segala pengorbanan itu terbalas setelah berjaya memiliki perniagaan sendiri, Sintokyo Cafe iaitu kedai makanan Jepun dan Korea di bandar Alor Setar.

Program Usahawan Francais Siswazah (PUPFS) yang disertainya bersama CEDI telah membuka jalan untuk mengembangkan lagi perniagaan sushinya.




## Outlet Secret Recipe di Alor Setar Milik Graduan UUM

Mohd Aizal Shazrizal graduan UUM dalam program pengajian Ijazah Sarjana Muda Perakaunan telah berjaya membuka outlet Secret Recipe di Taman Hidayah Hutan Kampung, Alor Setar.

Mohd Aizal telah menceburi bidang perniagaan ini sejak berada di dalam kampus dengan memulakan perniagaan menjual kek pisang. Setelah beliau menghadiri pelbagai program Keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak CEDI serta Kerjasama agensi, Mohd Aizal semakin berani dan yakin menjalankan perniagaannya. Kini Mohd Aizal telah membuktikan bahawa beliau mampu menjalankan perniagaan setelah mendapat pelbagai ilmu Keusahawanan semasa berada di lembah Sintok.





## PROGRAM PEMERKASAAN PELAJAR SUKAN

### Siti Shazwana sumbang pingat perak dalam 19th World Pencak Silat Championship 2022

Pelajar program Doktor Falsafah (PhD) Pengurusan Awam, Siti Shazwana Ajak telah menyumbang pingat perak kepada negara dalam acara pencak silat di 19th World Pencak Silat Championship 2022 sekali gus mengharumkan nama Malaysia dan sudah pasti UUM.

Siti Shazwana dipilih mewakili Malaysia yang menjadi tuan rumah bagi kejohanan pencak silat itu yang telah berlangsung

dari 26 hingga 31 Julai lalu di Melaka International Trade Centre (MITC).

Pada edisi lalu, Siti Shazwana merangkul pingat gangsa bagi kelas yang sama.

Kejohanan pencak silat dunia ini telah disertai lebih 500 orang pesilat dari lebih 40 buah negara termasuk Indonesia, Thailand, India, Vietnam dan Kanada.



### Dua Atlet OKU UUM Wakil Kedah dalam Dua kejohanan sukan peringkat kebangsaan

Dua pelajar orang kurang upaya (OKU) UUM terpilih mewakili negeri Kedah ke Kejohanan Memanah Para Kebangsaan 2022 Sirkit 2 dan Para SUKMA XX MSN 2022.

Kejohanan Memanah Para Kebangsaan telah berlangsung pada 29 September hingga 2 Oktober 2022, manakala


Para SUKMA pada 1 hingga 6 November 2022.

Dua atlet OKU tersebut ialah pelajar Sarjana Muda Undang-undang, Nek Muhammad Sofwan Najim Nek Ali dan pelajar Sarjana Muda Sains Ekonomi, Nurin Irdina Jasmine Jaafar yang mewakili negeri ini bagi acara memanah.

Sebagai tanda sokongan, UUM menerusi Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSD), Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) telah memberi sumbangan kerusi roda dan wang berjumlah RM2,000 setiap seorang.







## Aqil Afiq Juara Golf Remaja Kedah

Kekuatan mental luar biasa yang ditunjukkan oleh pelatih Akademi Golf Nasional UUM (AGNUUM), Aqil Afiq Rosli pada saingan akhir golf Sirkuit Golf Remaja Kedah (SGRK) ternyata membuahkan hasil apabila berjaya merangkul kejuaraan bagi Kategori Lelaki U21b yang berlangsung pada 15 hingga 17 Mac 2022 di Permaipura Golf & Country Club, Bedong.

Pemain berusia 21 tahun itu telah menampilkan aksi konsisten apabila berjaya mencatatkan 71,75,71 (1 di atas par), cemerlang mengatasi saingan hebat peserta lain termasuk dari rakan sepelatih iaitu Muhammad Farez Mohd Azihan dengan catatan 72,72,74 (2 di atas par) serta Muhammad Muadz Nazir yang menduduki tempat ke-3 dengan catatan 78,71,70 (3 di atas par).



## Atlet Golf UUM tersenarai dalam pemilihan wakil malaysia ke Sukan Asia di China

Atlet golf Akademi Golf Nasional Universiti Utara Malaysia (AGNUUM), Muhammad Ikhmal Basry tersenarai dalam pemilihan skuad golf Malaysia oleh Malaysian Golf Association (MGA) bagi membawa cabaran Malaysia pada Sukan Asia Ke-19 di Hangzhou, China yang akan berlangsung pada 10 hingga 25 September 2022.





## Atlet UUM rangkul pingat gangsa dalam Kejohanan Memanah Kebangsaan Siri Ke-2

Atlet memanah, Wan Annur Dini Wan Ezani berjaya merangkul tempat ketiga dalam Kejohanan Memanah Kebangsaan 2022 Siri 2 di Johor Bahru.

Kejayaan Wan Annur Dini membolehkan beliau menerima hadiah wang tunai RM100 dan pingat gangsa.

Beliau yang merupakan pelajar Semester 3, Ijazah Sarjana Muda Perakaunan pernah mewakili UUM dalam Kejohanan Sukan MASUM Fasa Satu di Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada awal tahun ini.





## PROGRAM PEMERKASAAN PELAJAR PROGRAM KESUKARELAWAN

### Beh Diiktiraf Ikon Belia Kelestarian Alam 2022

Pelajar UUM, Beh Zeng Kang menerima anugerah Ikon Belia Kelestarian Alam 2022 sempena Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) Tahun 2022.

Aktivis alam sekitar ini banyak berjasa memberi sumbangan dalam pendidikan dan pembangunan masyarakat mahupun komuniti antarabangsa dengan menganggotai pelbagai pertubuhan, badan beruniform dan menjalin kerjasama bersama agensi kerajaan mahupun antarabangsa demi memperkasakan program advokasi alam sekitar.

Anak kelahiran Teluk Intan, Perak ini bergiat aktif dalam penyertaan program kemasyarakatan, kebelaian dan sukarelawan, menganjurkan program sendiri dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.



### Misi Sukarelawan UUM bantu mangsa banjir di Baling, Kedah

Pasukan Misi Sukarelawan UUM telah turun padang membantu penduduk di Baling, Kedah yang terkesan dengan banjir baru-baru ini. Sukarelawan daripada UUM, Kedah ini melibatkan seramai lebih 60 pelajar dan turut disertai oleh beberapa kakitangan universiti.

Pasukan sukarelawan tersebut adalah terdiri daripada kalangan pelajar dan kakitangan UUM. Pasukan ini telah membantu menjalankan misi bantuan tersebut dengan amat baik selama tiga hari berturut-turut.

Selain dari sesi bantuan secara fizikal oleh pasukan sukarelawan UUM iaitu dengan cara bergotong-royong membersihkan kawasan, memberikan bantuan keperluan harian kepada mangsa yang terdabit, pasukan misi sukarelawan ini juga turut mengadakan slot intervensi krisis trauma kepada masyarakat dan keluarga pelajar yang menjadi mangsa banjir.







## “Food for all” usaha murni sukarelawan UUM bantu gelandangan Phuket, Thailand

Pelajar UUM dengan kerjasama sukarelawan Prince of Songkla University (PSU) kampus Phuket, Thailand telah berjaya mengagihkan pek makanan kepada golongan gelandangan di Patong, Phuket, Thailand. Usaha ini juga telah mendapat perhatian dan dibantu oleh Datuk Bandar Wilayah Phuket iaitu Chalerm Sak Maneesri.

Program ini juga telah berjaya melibatkan beberapa agensi kerajaan dan badan NGO yang lain seperti Phuket Provincial Governor's Office, Royale Thai Police, Patong Municipality, Phuket Reporters Association, Patong Hospital (Village Health Volunteer), Patong Government Community, Tak Province dan Life Guard of Patong Municipality.

Selain dari aktiviti memberikan makanan kepada para gelandangan di sekitar Phuket, terdapat aktiviti sampingan yang telah diusahakan seperti pengedaran risalah dan penganjuran speaker's corner untuk menerapkan nilai kemasyarakatan dalam diri rakyat Thailand yang kurang berkemampuan dan terbiar.



## Mahasiswa selami kehidupan Orang Asli Kensiu

Seramai 76 pelajar UUM turun padang menyantuni masyarakat Orang Asli suku Kensiu dalam program 'Indigenous to Genius' di Kampung Lubuk Legong, Baling, Kedah.

Melalui program ini pelajar dapat mengetahui kehidupan seharian masyarakat Orang Asli Kensiu di samping mewujudkan jalinan antara pelajar INASIS Bank Rakyat dengan masyarakat. Mahasiswa juga dapat menyelami kehidupan Orang Asli Kensiu, terutamanya rutin mereka

di hutan selain menghulurkan bantuan kepada masyarakat menerusi pelbagai aktiviti yang dijalankan selama 3 hari 2 malam.


Antaranya khidmat bakti dengan membersihkan kubur, membaiki pulih surau, mengecat kembali surau untuk kegunaan komuniti, meluangkan masa bersama-sama anak-anak Orang Asli Kensiu serta memberi pakaian percuma hasil kutipan orang ramai.







# PENGIKTIRAFAN WARGA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA





## Prof. Dr. Norazah tersenarai di kedudukan 2% saintis terbaik dunia

Profesor Pemasaran dan E-Niaga di Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki telah tersenarai dalam 'World's Top 2% Scientists' oleh Stanford University, Amerika Syarikat.

World's Top 2% Scientists itu mengiktiraf mereka yang berjaya menghasilkan banyak sitasi dalam pelbagai disiplin.

Norazah yang telah diiktiraf sebanyak tiga kali dalam senarai Stanford ini disenaraikan mengikut bidang perniagaan dan pengurusan dan sub-bidang pemasaran, selain mendapat pengiktirafan di bawah senarai 'Career-long World's Top 2% Scientists'.



## Prof. Dr. Che Su ikon akademia holistik

Profesor bidang Komunikasi UUM telah diangkat sebagai Ikon Akademia Holistik Peringkat Kebangsaan sempena Majlis Sambutan Hari Akademia tahun 2022 yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Prof. Dr. Che Su Mustaffa, profesor di Pusat Pengajian Pengurusan Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) dipilih sebagai penerima anugerah berkenaan sebagai menghargai jasa dan keilmuan yang disumbang bukan sahaja kepada universiti malah masyarakat.



## Projek TDiRI rangkul naib johan AKRI 2022

Projek 'TDiRI (Teach - Do It - Reflect - Improve) with Active, Fun and Technology' yang dihasilkan sekumpulan pensyarah UUM berjaya merangkul gelaran naib johan pada Anugerah Khas YB Menteri Pengajian Tinggi: Reka Bentuk Kurikulum Dan Penyampaian Inovatif (AKRI) di Putrajaya.


Projek tersebut diketuai oleh Dr. Hafizah Mohamad Hasbollah bersama ahli, Prof. Madya Dr. Haslinda Hassan dan Dr. Mohd. Hadzrami Harun Rasit menang bagi kategori Pengajaran Transformatif.

Projek yang dimenangi itu adalah untuk meningkatkan keterlibatan pelajar sewaktu proses pembelajaran dan seterusnya meningkatkan pencapaian dan kemahiran pelajar.

Elemen TDiRI diperkenalkan bagi mentransformasikan proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus teknikal supaya pelajar kekal aktif dan dapat membangunkan potensi pelajar dalam kemahiran insaniah menerusi '4Cs: Communication, Collaboration, Creativity and Critical Thinking' dan kemahiran teknikal.







## UUM menang dua anugerah buku negara 2022

Dua buku terbitan UUM Press telah berjaya merangkul dua Anugerah Buku Negara 2022 bagi Kategori Anugerah Pengajian Tinggi sempena Persidangan Buku Antarabangsa dan Ekspo Buku Malaysia.

Buku tersebut iaitu Buku Umum Terbaik (Ekonomi) dan Buku Umum Terbaik (Pengurusan Organisasi) bagi Kategori Anugerah Pengajian Tinggi.

Buku Malaysia and The Muslim World: Harnessing the OIC Market Through Trade and Islamic Finance hasil penulisan Prof. Madya Dr. Irwan Shah Zainal Abidin dari Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) menerima Anugerah Buku Umum Terbaik (Ekonomi).

Sementara buku Dinamik Hubungan Manusia Dalam Organisasi hasil penulisan bersama Sharifah Sofiah 'Atiqah Syed Ibrahim, pensyarah Pusat Pengajian Kerajaan, bersama Saadon Awang diumumkan sebagai penerima Anugerah Buku Umum Terbaik (Pengurusan Organisasi).



## Enam buku UUM Press dilancarkan di Brunei

Bagi tujuan mengantarabangsakan penerbitan ilmiah khususnya dalam kalangan penerbit negara serumpun, UUM melalui UUM Press dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah berjaya menerbitkan enam buku pelbagai bidang hasil penulisan ahli akademik dari dua institusi berkenaan.

Enam buku itu ialah Aplikasi dan Penyelesaian Islam: Isu Kontemporari Pandemik COVID-19, Strategies for Dealing with Workplace Problems dan Consumer Buying Behaviour: A Malaysian Perspective, Dimensi Agromakanan Halal, Peranan Guru Rabbani dalam Kelangsungan Pendidikan Tauhidik dan Balai Cerap Astronomi Menjunjung Wahyu Mengukuh Tamadun.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro-Canselor UNISSA telah melancarkan kesemua buku berkenaan sempena Mahrajan Hafli Al-Takharruj Ke-12 universiti utama di Brunei itu 28 Ogos 2022.







## UUM Gah Di Gunung Everest

Tanggal 24 Mac 2022 menjadi sejarah baharu kepada UUM apabila tiga staf berjaya menakluk Everest Base Camp (EBC) yang berketinggi 5364 meter (m) pada jam 6.11 petang waktu tempatan sekali gus mengibarkan bendera universiti ini.

Mereka ialah Dr. Mohd Raime Ramlan dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA), Norzaliza Ghazali dari Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) dan Amirudin Hashim dari Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD).

Pendakian menawan EBC di gunung tertinggi dunia itu merupakan Misi Kemanusiaan UUM-APM Endurance Challenge Sempena Sambutan Ulangtahun UUM KE-38 dan Hari Pertahanan Awam Sedunia Ke-70 yang bermula pada 15 hingga 24 Mac 2022.



## 20 sertai misi kemanusiaan UUM-ABC Endurance Challenge

Seramai 20 staf akademik dan empat staf pentadbiran akan menyertai Misi Kemanusiaan Universiti Utara Malaysia (UUM) - Kem Pangkalan Annapurna (ABC) Endurance Challenge 2022 bertemakan 'Humanizing Education' pada 19 September 2022.

Program yang tertunda sejak Mac 2020 akibat penularan wabak COVID-19 akan diteruskan pada tahun ini dengan kerjasama Epic Valley Holdings yang juga Pengerusi Yayasan Muhibah dan beberapa penaja lain.

20 peserta yang menyertai program 13 hari ini telah bersedia dari segi fizikal dan mental termasuk merancang beberapa aktiviti ketika di Nepal antaranya bersama pelajar tahfiz dan penduduk di situ.



## Personaliti: pensyarah STHEM aktif sumbang kepakaran kepada industri

Pensyarah di Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM), Mohamad Khairi Mohamad @ Alwi yang juga Koordinator Program Pengurusan Pelancongan adalah seorang yang sangat komited mewakili STHEM dalam memberi sumbangan kepada industri.

Mohamad Khairi juga merupakan salah seorang staf UUM yang mendapat pengiktirafan profesional oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebagai Malim Gunung Perhutanan (MGP) Kedah dan juga Peserta Terbaik Kursus Malim Gunung Perhutanan peringkat Zon Utara.





# LAPORAN PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA







## LAPORAN PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Berikut merupakan ringkasan prestasi kewangan Universiti Utara Malaysia bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021:

	2022	2021	Perbezaan
Aset Bukan Semasa	688,554,840	695,771,116	(7,216,276)
Aset Semasa	320,182,741	281,079,658	39,103,083
<b>Jumlah Aset</b>	<b>1,008,737,581</b>	<b>976,850,774</b>	<b>31,886,807</b>
Liabiliti Semasa	(55,539,247)	(44,565,917)	(10,973,330)
Liabiliti Bukan Semasa	(128,521,365)	(135,869,660)	7,348,295
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>(184,060,612)</b>	<b>(180,435,577)</b>	<b>(3,625,035)</b>
<b>Jumlah Aset Bersih</b>	<b>824,676,969</b>	<b>796,415,197</b>	<b>28,261,772</b>
Ekuiti:			
<b>Lebihan Berkumpul</b>	<b>824,676,969</b>	<b>796,415,197</b>	<b>28,261,772</b>


	2022	2021	Perbezaan
Pendapatan	497,586,717	465,049,777	32,536,940
Perbelanjaan	469,324,945	428,796,719	40,528,226
<b>Lebihan/(Kurangan)</b>	<b>28,261,772</b>	<b>36,253,058</b>	<b>(7,991,286)</b>

## SOROTAN KEWANGAN DALAM PENYATA KEWANGAN UUM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

### Tahun Ketiga untuk Peralihan Standard Perakaunan

Standard perakaunan yang diguna pakai oleh UUM bagi penyediaan penyata Kewangan UUM ialah MPSAS berbanding MPERS. Bermula tahun 2020, penyata kewangan UUM telah dinyatakan semula dengan standard pelaporan mengikut *MPSAS 1: Presentation of Financial Statement*. Penyata Kewangan 2023 merupakan tahun terakhir bagi UUM menggunakan MPSAS 33 -*First-Time Adoption of Accrual Basis Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSASs)*.





## Peningkatan pada Aset Bersih

Nilai aset bersih UUM bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021 ialah seperti berikut:

KUMPULAN			UUM		
2022	2021	BEZA	2022	2021	BEZA
RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta
839.5	811.1	28.4	824.7	796.4	28.3

Terdapat peningkatan aset bersih UUM sebanyak RM 28.5 juta bagi peringkat kumpulan dan RM28.3 juta di peringkat UUM.

Peningkatan ini adalah selari dengan pergerakan keseluruhan bagi kelas akaun berikut:

### i) Peningkatan dalam Aset Semasa

KUMPULAN			UUM		
2022	2021	BEZA	2022	2021	BEZA
RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta
344.0	298.8	45.2	320.2	281.1	39.1

### ii) Pengurangan dalam Aset Bukan Semasa

KUMPULAN			UUM		
2022	2021	BEZA	2022	2021	BEZA
RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta
742.0	751.0	(9.0)	688.6	695.8	(7.2)

### iii) Peningkatan dalam Liabiliti Semasa


KUMPULAN			UUM		
2022	2021	BEZA	2022	2021	BEZA
RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta
62.2	53.2	9.0	55.5	44.6	10.9

### iv) Pengurangan dalam Liabiliti Bukan Semasa

KUMPULAN			UUM		
2022	2021	BEZA	2022	2021	BEZA
RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta
184.3	185.5	(1.2)	128.5	135.8	(7.3)



## ASET BERSIH




## Peningkatan dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai

Berikut merupakan pergerakan tunai dan kesetaraan tunai UUM:

Item	UUM		
	2022 RM'Juta	2021 RM'Juta	BEZA RM'Juta
Simpanan Tetap Institusi Kewangan Berlesen	288.5	243.5	45.0
Wang Tunai dan Baki di Bank	12.5	10.8	1.7
<b>Jumlah</b>	<b>301.0</b>	<b>254.3</b>	<b>46.7</b>

Antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah disebabkan oleh:

- i) Pelepasan sekatan peruntukan oleh kerajaan pada bulan Disember 2022 iaitu sebanyak RM36.6 juta.
- ii) Terimaan Endowmen daripada FWD Takaful pada bulan November sebanyak RM15.0 juta dan tiada pelaburan ke dana lain dilakukan sehingga 31/12/2023.



## ASET SEMASA

### KEDUDUKAN TUNAI UUM DAN KUMPULAN



## Pengurangan pada Pembinaan dalam Kemajuan

Berikut merupakan pergerakan pembinaan dalam kemajuan:

Item	KUMPULAN/UUM		
	2022 RM'Juta	2021 RM'Juta	BEZA RM'Juta
Pembinaan dalam Kemajuan	21.4	52.5	<b>(31.0)</b>

Pengurangan ini adalah disebabkan oleh pembinaan yang telah siap dan dipermodalkan dalam tahun 2022 sepertimana senarai berikut:

Bil.	Nama Projek	Jumlah Permodal (RM juta)
1.	Pembinaan Tangki Simpanan Air Dan Ganti Sistem Lingkaran Paip Air Dalam Kampus	4.2
2.	Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan Hospitaliti & Alam	36.4
3.	Pembinaan Pencawang Pembahagi Utama	5.1
4.	Perolehan Dan Penggantian Peralatan Pembelajaran	3.8
	<b>Jumlah</b>	<b>49.5</b>

Dengan mempermodal projek-projek ini maka berlaku pertambahan pada hartanah, loji dan peralatan pada tahun 2022.






Pada masa yang sama, projek yang sedang dijalankan di bawah Rancangan Malaysia (RMK) adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Projek	Jumlah Tambahan (RM juta)
1.	Pembinaan Club Golf	1.4
2.	Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum	3.6
3.	Pembinaan Dewan Di Dewan Penginapan Pelajar	0.1
4.	Pembinaan Bangunan Tambahan Pusat Komputer UUM	0.4
5.	Menaiktaraf Insfrastuktur Dan Sistem Mekanikal Elektrikal Serta Teknologi Maklumat & Komunikasi [Ict] Dkg 1, 2 & 3	4.3
6.	Projek Financial Information Management System (FIMS)	0.3
7.	*Pembinaan Tangki Simpanan Air Dan Ganti Sistem Lingkaran Paip Air Dalam Kampus	1.7
8.	*Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan Hospitaliti & Alam	6.0
9.	*Pembinaan Pencawang Pembahagi Utama	0.6
<b>Jumlah</b>		<b>18.4</b>

Nota: (\*telah dipermodalkan)

## ASET BUKAN SEMASA

### PENGURANGAN PADA PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN





## Peningkatan pada Hasil

KUMPULAN			UUM		
2022	2021	BEZA	2022	2021	BEZA
RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta
520.1	498.9	21.2	497.6	465.0	32.6

Peningkatan utama dari geran kerajaan (RM19.0 juta), hasil pelajar (RM8.8 juta), pelbagai hasil (RM18.0 juta), sewaan (RM3.1 juta) dan pelaburan (RM1.3 juta). Manakala terdapat penurunan untuk pelunasan geran (RM16.6 juta) dan perkhidmatan kesihatan dan pergigian (RM1.0 juta).


### PENINGKATAN PADA HASIL



## Peningkatan pada Perbelanjaan

KUMPULAN			UUM		
2022	2021	BEZA	2022	2021	BEZA
RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta
491.8	460.9	30.9	469.3	428.8	40.5

Antara peningkatan perbelanjaan adalah melibatkan emolumen (RM4.8 juta) perkhidmatan dan bekalan sebanyak (RM26.8 juta), pemberian kenaikan bayaran tetap (RM5.7 juta) dan lain-lain bayaran (RM3.2 juta).



## PENINGKATAN PADA PERBELANJAAN



## ASET TETAP UUM

UUM memiliki 13,065 unit aset hartanah loji peralatan dan empat (4) hartanah pelaburan yang telah didaftarkan di kampus UUM Sintok, Sungai Petani dan UUM Kuala Lumpur sehingga 31 Disember 2022 dengan pecahan seperti berikut:


Kumpulan Aset	Jenis Aset	Bilangan	Nilai Buku
Hartanah, Loji dan Peralatan	Tanah	9	48,926,143
	Bangunan	841	519,254,792
	Kemudahan	497	34,245,555
	Kenderaan	309	539,171
	Harta Modal Lain	11,409	7,131,633
	<b>Jumlah</b>	<b>13,065</b>	<b>610,097,294</b>
Kumpulan Aset	Jenis Aset	Bilangan	Nilai Buku
Hartanah Pelaburan	Tanah	2	449,000
	Bangunan	2	269,195
	<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>718,195</b>

## PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

UUM memiliki pegangan penuh di dalam syarikat subsidiari iaitu Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd. (UMHSB) yang mana aktiviti utama syarikat ini adalah pelaburan.

Jumlah pelaburan kumulatif dalam subsidiari ini bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:






**UUM**

	<b>2022 RM</b>	<b>2021 RM</b>
Saham tidak disiarharga pada kos:-		
Saham Biasa	16,500,000	16,500,000
Cumulative Preference Share @4% setahun	3,500,000	3,500,000
	20,000,000	20,000,000
Tolak: Peruntukan rosot nilai	(2,738,814)	(4,633,678)
Nilai pelaburan selepas rosot nilai	17,261,186	15,366,322

UMHSB memiliki sembilan (9) syarikat subsidiari dan aktiviti utama syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

<b>NAMA</b>	<b>AKTIVITI UTAMA</b>
Uniutama Property Sdn. Bhd.	Penyelenggaraan hartanah, perkhidmatan pembersihan, pengurusan hotel dan pelaburan.
Uniutama Education And Consultancy Sdn Bhd.	Menyediakan perkhidmatan latihan dan perundingan, perkhidmatan pengurusan, dan menjalankan operasi sebuah sekolah antarabangsa.
Uniutama Solution Sdn. Bhd.	Perkhidmatan memasang dan memasarkan komputer, menjalankan latihan dan perundingan berkaitan teknologi maklumat.
Managers Coffee Sdn. Bhd.	Coffeehouse dan pelaburan
Global Residences Sdn. Bhd.	Penyewaan Hartanah
Platinum Pinang Sdn. Bhd.	Perkhidmatan Hotel
Uniutama Travel & Tours Sdn. Bhd.	Perkhidmatan perjalanan dan pelancongan, penyewaan hartanah dan penyediaan makanan.
Uni Clean & Hygiene Sdn. Bhd.	Perkhidmatan penyenggaraan kebersihan dan dobi
Sintok Agro Sdn. Bhd.	Perniagaan perladangan dan tapak semaian


Pada tahun berakhir 31 Disember 2022, Kumpulan UMHSB telah mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM1.9 juta dan keuntungan terkumpul ialah sebanyak RM4.8 juta.




## Peruntukan Cukai

Dalam tahun 2022, Kumpulan Anak syarikat telah memperuntukkan cukai sebanyak RM1.3 juta berbanding RM2.0 juta pada tahun 2021. Jumlah cukai dibayar dalam tahun 2022 oleh Kumpulan Anak Syarikat UUM ialah RM2.0 juta berbanding RM2.4 juta.

### CUKAI KUMPULAN UMHSB



**PERUNTUKAN CUKAI**



**CUKAI DIBAYAR**


## Liabiliti Luar Jangka

Sehingga 31 Disember 2022 Universiti mempunyai liabiliti luar jangka seperti berikut:


- Satu Jaminan Korporat berjumlah RM4.6 juta dijadikan sebagai sekuriti bagi pinjaman berjangka salah satu syarikat subsidiari.
- Letter of awareness* telah diberikan kepada bank sebagai sekuriti pembiayaan perniagaan berjumlah RM45.0 juta bagi salah satu syarikat subsidiari.
- UUM telah membuat notis tuntutan kepada Magna Hartamas Sdn. Bhd. (Penyewa) sebanyak RM2,492,403.05 dan beberapa tuntutan melibatkan pengoperasian Varsity Mall pada 5 Januari 2022. Oleh kerana tiada apa-apa maklum balas yang diberikan oleh Magna Hartamas Sdn. Bhd., pada 31 Januari 2022 UUM telah meneruskan tindakan saman dan pernyataan tuntutan kepada pihak Magna Hartamas Sdn. Bhd.. Pengurusan kes ditangguhkan pada 23 Februari 2022 oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar.

Pada 21 Mac 2022, Magna Hartamas Sdn. Bhd. telah memfailkan saman dan pernyataan tuntutan terhadap UUM sebanyak RM7,700,000 dan beberapa tuntutan lain.

Pada 2 Jun 2022, penggabungan kes telah dibenarkan oleh pihak mahkamah. Pada 15 Mac 2023, mahkamah telah meminta untuk UUM dan Magna Hartamas Sdn. Bhd. untuk melengkapkan pemfailan dokumen pra-bicara. Mahkamah telah memberikan tarikh 14 April 2023 untuk pengurusan kes untuk menetapkan tarikh bicara.



## LIABILITI LUAR JANGKA



**Jumlah: RM57.3 juta**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2022**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Disatukan serta Penyata Perbandingan Antara Amaun Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 39.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### *Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah, Universiti Utara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.



Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Utara Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Utara Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.


Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 13 dalam penyata kewangan.

#### **Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Utara Malaysia berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
18 OGOS 2023




**Universiti Utara Malaysia**

**PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, **TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR BIN HJ. MAHFAR** DAN **PROF. DR. MOHD. FO'AD BIN SAKDAN**, yang merupakan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dengan ini menyatakan, pada pendapat pengarah-pengarah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Disatukan, Penyata Perbandingan Antara Amaun Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dan KUMPULAN pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



**TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR**  
Pengerusi



**PROF. DR. MOHD. FO'AD BIN SAKDAN**  
Ahli Lembaga Pengarah

Sintok, Kedah

Bertarikh : **02 MAY 2023**



**Universiti Utara Malaysia**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

